



KOLEJ YAYASAN PELAJARAN JOHOR PEPERIKSAAN AKHIR

NAMA KURSUS : PRINSIP PERAKAUNAN
KOD KURSUS : DSM1033
PEPERIKSAAN : APRIL 2018
MASA : 3 JAM

ARAHAN KEPADA CALON

1. Kertas soalan ini mengandungi **TIGA(3)** bahagian:
BAHAGIAN A (10 Markah)
BAHAGIAN B (30 Markah)
BAHAGIAN C (60 Markah)
 2. Calon tidak dibenarkan membawa masuk sebarang peralatan ke dalam bilik peperiksaan kecuali dengan kebenaran pengawas peperiksaan.
 3. Sila pastikan bahan-bahan berikut diperoleh untuk sesi peperiksaan ini:
 - i. Kertas Soalan
 - ii. Kertas Jawapan Objektif
 - iii. Buku Jawapan

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

KERTAS SOALAN INI MENGANDUNG 11 HALAMAN BER CETAK TERMASUK MUKA HADAPAN

BAHAGIAN A

Bahagian ini mengandungi **SEPULUH(10)** soalan.

Jawab SEMUA dalam Kertas Jawapan Objektif.

1. Berdasarkan maklumat yang diberi, kirakan jumlah modal.

Aset : kenderaan RM20,000, inventori RM8,500, tunai RM100

Liabiliti : pembiutang RM3,000, pinjaman RM4,000

- A. RM21,100
- B. RM21,600
- C. RM32,400
- D. RM21,400

2. Manakah antara berikut yang salah?

	Aset (RM)	Liabiliti (RM)	Modal (RM)
A.	7,850	1,250	6,600
B.	8,200	2,800	5,400
C.	9,550	1,150	8,200
D.	6,540	1,120	5,420

3. Sabrie Enterprise telah menerima pembayaran daripada salah seorang penghutang syarikatnya. Apakah kesan transaksi ini ke atas Kunci Kira-kira?
- A. Tiada perubahan terhadap jumlah aset
 - B. Pertambahan di dalam jumlah aset
 - C. Pengurangan di dalam jumlah liabiliti
 - D. Pengurangan di dalam jumlah asset

4. Pada 30 November 2017, Jenab mempunyai baki pinjaman bank RM10,800 dan baki dalam akaun bank RM1,200. Bagaimanakah baki ini akan direkodkan di dalam Imbangan Duga Jenab pada 1 Disember 2017?
- A. Debit RM10,800, Kredit RM1,200
 - B. Debit RM1,200, Kredit RM10,800
 - C. Debit RM9,600
 - D. Kredit RM9,600

5. Apakah maksud "error of commission"

- A. Transaksi yang tiada rekod lansung di dalam akaun
- B. Amaun yang betul tetapi direkodkan dalam akaun yang salah di dalam kategori yang sama
- C. Amaun yang betul tetapi direkodkan dalam akaun yang salah di dalam kategori yang berbeza
- D. Transaksi yang direkodkan dengan jumlah debit dan kredit yang berbeza

6. Aset dalam perniagaan akan bertambah apabila:

- i. Pemilik membawa masuk kenderaan ke dalam perniagaan
 - ii. Pemilik mengambil tunai untuk kegunaan peribadi
 - iii. Penghutang membayar hutang dengan tunai
 - iv. Membeli aset tetap secara kredit
- A. i dan ii
 - B. i dan iv
 - C. i, ii, iii dan iv
 - D. ii, iii dan iv

7. Antara berikut, yang manakah pengertian Imbangan Duga yang paling tepat?

- A. Menunjukkan kedudukan kewangan perniagaan
- B. Merupakan akaun yang istimewa
- C. Menunjukkan semua urusniaga di dalam akaun
- D. Menunjukkan senarai baki dalam akaun

8. Berapakah baki akaun ini pada 31 Januari, 2017?

Akaun Ahmad Hassan

Jan 2017		RM	Jan 2017		RM
1	Jualan	205	17	Tunai	300
14	Jualan	360	28	Pulangan Masuk	50
30	Jualan	180			

- A. Baki kredit RM395
 - B. Baki debit RM380
 - C. Baki debit RM395
 - D. Tiada baki
9. Nora Batik Trading menjual secara kredit RM3,000 kepada Abdul Rahman dan memberinya diskaun dagangan sebanyak 5%. Berapakah jumlah yang perlu direkodkan di dalam Akaun Jualan Nora Batik Trading?
- A. RM3,000
 - B. RM2,850
 - C. RM2,700
 - D. RM2,800

10. Manakah antara berikut bukan ciri-ciri syarikat berhad?

- A. Diurus dan dikawal oleh ahli lembaga pengarah
- B. Untung akan dibahagikan kepada pemegang saham dalam bentuk dividen
- C. Liabiliti tidak terhad
- D. Berdaftar dengan Akta Syarikat 1965

[10 MARKAH]

BAHAGIAN B

Bahagian ini mengandungi **TIGA(3)** soalan.

Jawab SEMUA soalan. Jawab dalam Buku Jawapan.

SOALAN 1

- a) Nyatakan satu(1) pengguna dalaman dan satu(1) pengguna luaran maklumat perakaunan dan nyatakan tujuan mereka menggunakan maklumat perakaunan tersebut.
(3 markah)
- b) Terangkan secara ringkas maksud entiti berasingan.
(2 markah)
- c) Penyata kewangan terdiri daripada Penyata Untung Rugi dan Penyata Kedudukan Kewangan. Apakah maklumat yang boleh diperolehi dari kedua-dua penyata kewangan ini?
(2 markah)
- d) Senaraikan tiga(3) jenis kesilapan yang boleh wujud di dalam Imbalan Duga
(3 markah)

SOALAN 2

- a) Berikan definisi perakaunan
(2 markah)
- b) Jelaskan empat (4) ciri kualitatif pelaporan penyata kewangan
(8 markah)

SOALAN 3

Berikut merupakan transaksi perniagaan bagi Didi Trading sepanjang bulan Julai 2017:

Julai 3	Pemilik perniagaan membawa masuk sebuah van bagi kegunaan perniagaannya bernilai RM30,000.
5	Menerima pinjaman bank bernilai RM20,000 dari Bank 1Malaysia.
10	Membeli inventori dari Aki's Trading berjumlah RM2,800 secara kredit
12	Menerima dividen dari Syarikat DODO Bhd. berjumlah RM5,500 dengan cek.
20	Seorang penghutang Ida memulangkan barang yang rosak berharga RM740.

Tunjukkan kesan ke atas aset, belanja, ekuiti pemilik, hasil dan liabiliti bagi kesemua transaksi di atas dengan menggunakan contoh berikut:

Contoh

April 1 Bayar belanja sewa dengan tunai RM800

Tarikh	Kesan					Catatan Jurnal
	Aset	Belanja	Ekuiti pemilik	Hasil	Liabiliti	
April 1	Tunai -	Belanja sewa +				Dt Belanja sewa RM800 Kt Tunai RM800

(10 markah)

[30 MARKAH]

BAHAGIAN C

Bahagian ini mengandungi **TIGA(3)** soalan.

Jawab SEMUA soalan. Jawab dalam Buku Jawapan.

SOALAN 1

Imbangan Duga bagi SURI Enterprise yang berikut adalah salah. Anda dikehendaki untuk menyediakan Imbangan Duga yang betul pada 30 Jun 2017 dan kirakan jumlah modal pada tarikh tersebut.

Akaun	Debit (RM)	Kredit (RM)
Belian		18,092
Jualan	20,560	
Pulangan jualan	850	
Pulangan belian		75
Upah dan gaji		770
Stok (1 Julai 2016)	4,000	
Faedah atas pinjaman		350
Diskaun diberi		141
Diskaun diterima		370
Belanja air & elektrik	418	
Premis	4,550	
Penghutang		3,400
Pembiutang	2,195	
Bank	5,579	
Ambilan		1,700
Sewa diterima		3,200
Pinjaman	15,000	
Komisen diterima	1,200	
Deposit tetap	10,000	
Modal	?	?

(15 markah)

SOALAN 2

Manjalara Handicraft Sdn. Bhd. merupakan sebuah syarikat milikan tunggal kepunyaan Cik Manjawati. Berikut merupakan Imbangan Duga syarikat pada 30 September 2017:

	Debit (RM)	Kredit (RM)
Jualan		204,650
Belian	100,734	
Pulangan	3,670	1,060
Belanja angkutan	4,700	
Diskaun diterima		550
Belanja sewa	14,500	
Belanja kenderaan	5,050	
Belanja pejabat	2,100	
Belanja utiliti	3,430	
Gaji dan upah	8,000	
Pelaburan dalam Amanah Saham Sejahtera	11,000	
Kenderaan (kos)	90,000	
Perabut (kos)	75,500	
Tunai	27,186	
Bank	36,700	
Akaun Belum Terima	25,330	
Modal		101,000
10% Pinjaman dari Bank Ria		51,000
Akaun Belum Bayar		49,640
	407,900	407,900

Maklumat Tambahan:

- Inventori pada 30 September 2017 ialah RM20,000.
- Susutnilai Aset Bukan Semasa adalah seperti berikut:
 - Kenderaan : 20% atas kos, asas tahunan
 - Perabot : 20% atas baki berkurangan, asas tahunan
- Cik Manjawati telah mengambil RM100 tunai dan RM250 barangniaga untuk kegunaan peribadinya.

- iv) Termasuk di dalam belanja angkutan masuk adalah sejumlah RM2,000 untuk belanja angkutan keluar.
- v) Berikut adalah belanja dan hasil terakru atau terdahulu sepanjang tempoh perakaunan

	Amaun (RM)
Gaji terakru	700
Dividen atas pelaburan terakru	550
Sewa terdahulu	1,000

- vi) Salah seorang dari penghutang syarikat iaitu Laila, didapati muflis dan bankrap serta tidak mampu membayar hutangnya semula berjumlah RM330. Hutang beliau dianggap lapuk.
- vii) Manjalara Handicraft Sdn. Bhd. mengandaikan peratusan peruntukan hutang lapuk sepanjang tempoh perakaunan adalah 2% dari penghutang bersih.
- viii) 10% Pinjaman dari Bank Ria telah dibuat pada 1 Jun 2017.

Sediakan:

- a) Penyata Kewangan Komprehensif bagi tahun berakhir 30 September 2017
- b) Penyata Kedudukan Kewangan pada 30 September 2017

(30 markah)

SOALAN 3

Setiap bulan Muammar akan menyediakan Buku Tunai bagi perniagaannya. Berikut merupakan baki Buku Tunai Perniagaan Muammar bagi bulan Mac 2017.

Tarikh	Keterangan	RM	Tarikh	Keterangan	RM
1/3	Baki b/b	12,100	4/3	Ghazali Bhd -001405	700
4/3	Jenny -080121	400	6/3	Derma - 001406	600
10/3	Lenang Bhd -305621	4,551	11/3	Husna -001408	1,600
17/3	Sri Trading -445566	1,000	14/3	Image Bhd -001409	2,350
24/3	Lim Trading -007451	3,420	18/3	Sewa kedai -001410	1,200
30/3	Johan- 251452	2,540	28/3	Gaji pekerja -001411	3,100
			31/3	Baki h/b	14,461
		24,011			24,011

Walaubagaimanapun, setelah menerima Penyata Bank pada 8 April 2017, Muammar mendapati bahawa wujud perbezaan yang ketara antara baki Buku Tunai dengan Penyata Bank beliau.

MAYBANK BERHAD
Penyata Bank pada 31 Mac 2017

Tarikh	Keterangan	Dt (RM)	Kt (RM)	BAKI (RM)
1 Mac	Baki			12,100 Kt
7 Mac	Deposit - 080121		400	12,500 Kt
11 Mac	Cek - 001406	600		11,900 Kt
14 Mac	Deposit – 305621		4,515	16,415 Kt
15 Mac	Caj Bank	15		16,400 Kt
17 Mac	Cek – 001407	650		15,570 Kt
19 Mac	Pindahan kredit		888	16,638 Kt
20 Mac	Deposit – 445566		1,000	17,638 Kt
21 Mac	Cek – 001409	2,350		15,288 Kt
22 Mac	Arahan Tetap	1,400		13,888 Kt
24 Mac	Cek – 001410	1,200		12,688 Kt
28 Mac	Potongan terus	300		12,388 Kt
31 Mac	Pindahan Kredit		500	12,888 Kt

Maklumat Tambahan:

- i) Cek bernombor 001407 yang diisukan kepada Zara masih belum direkodkan di dalam Buku Tunai
- ii) Amaun sebenar bagi cek bernombor 305621 adalah RM4,551, tetapi jumlah yang telah direkodkan adalah RM4,515 di dalam Penyata Bank

Dikehendaki:

- a) Sediakan Buku Tunai Terselaras
(7 Markah)
 - b) Sediakan Penyata Penyesuaian Bank pada 31 Mac 2017
(8 Markah)
- [60 MARKAH]**

KERTAS SOALAN TAMAT

